

<b>Headline</b>	<b>Bangi bakal jadi bandar ilmu</b>		
<b>Date</b>	<b>23. Jun 2008</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Media Title</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Page No</b>	<b>16</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Article Size</b>	<b>101 cm<sup>2</sup></b>
<b>Circulation</b>	<b>238082</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Readership</b>	<b>833287</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>



## Bangi bakal jadi bandar ilmu

BANGI 22 Jun - Daerah Bangi telah dipilih oleh Kerajaan Selangor sebagai perintis kepada pelaksanaan projek Bandar Ilmu yang bakal menjadikannya sebagai pusat pengajian serta penyelidikan utama di negeri ini.

Bandar tersebut dipilih kerana lokasinya dikelilingi lebih daripada sepuluh institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta selain terdapat berpuluhan lagi pusat penyelidikan dan latihan untuk pelbagai sektor.

Antara IPT tersebut adalah seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di sini hari ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bangi, Dr. Shafie Abu Bakar berkata, bersesuaian dengan konsep penduduk Bangi iaitu 'Aman, Sejahtera, Berilmu, Prihatin dan Kebajikan', pemilihan bandar itu sebagai bandar ilmu diharap dapat menjadi kampus terbuka kepada semua penghuninya untuk menjalankan kegiatan keilmuan.

Katanya, banyak perancangan dari segi teori dan praktikal telah diatur oleh pihaknya demi memastikan program ini berjaya dan mencapai matlamatnya.

"Ini adalah satu program yang berterusan dan ia akan terus diperjuangkan sampai bila-bila walaupun pelaksanaannya akan diterajui oleh orang lain pada masa akan datang," jelasnya.

Beliau memberitahu, antara agenda yang bakal dilaksanakan adalah seperti diskusi ilmiah, memperkenalkan konsep ziarah ilmu, jejak ilmuwan, dialog budaya dan juga teori persuratan.

Katanya, kesemua kegiatan yang bakal dilakukan itu adalah bertujuan untuk membudayakan masyarakat dengan ilmu serta mewujudkan persekitaran yang intelektual.